



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN DASAR PERCUKAIAN,
BAHAGIAN KETETAPAN,
ARAS 17, MENARA HASIL
PERSIARAN RIMBA PERMAI,
CYBER 8,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR**

LHDN.01/35/42/51/122/3

GARIS PANDUAN KETETAPAN AWAL

1. PENGENALAN

Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) boleh mengeluarkan ketetapan awal berhubung interpretasi dan pemakaian peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] apabila dipohon oleh mana-mana orang. Perkhidmatan baru ini oleh LHDNM telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2007.

Tujuan ketetapan awal dikeluarkan adalah untuk memberi penjelasan dan kepastian terhadap layanan cukai serta keseragaman dalam pemakaian undang-undang cukai pendapatan. Ini akan dapat membantu untuk meningkatkan pematuhan dan mengurangkan pertikaian di antara LHDNM dan pembayar cukai.

2. PERUNTUKAN BERKAITAN

2.1 Peruntukan khas diperkenalkan dalam ACP bagi melaksanakan sistem ketetapan awal. Seksyen 138B ACP membolehkan pembayar cukai memohon ketetapan awal daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) melalui borang yang ditetapkan. Apabila permohonan telah dikemukakan, KPHDN diberi kuasa untuk membuat suatu ketetapan awal yang menetapkan bagaimana peruntukan ACP terpakai kepada mana-mana orang yang memohon dan kepada perkiraan yang dipohon.

2.2 Perenggan 154(1)(eb) dan 154(1)(ec) ACP memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan dan menetapkan skop, prosedur dan fi yang akan dikenakan berhubung ketetapan awal.

- 2.3 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Ketetapan Awal) 2008 (Kaedah-Kaedah KA) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007 menggariskan skop, prosedur dan fi yang dikenakan.

3. **MAKSUD KETETAPAN AWAL**

Ketetapan awal adalah kenyataan bertulis oleh KPHDN kepada mana-mana orang, yang memberi interpretasi bagaimana peruntukan ACP terpakai kepada cadangan perkiraan yang akan dilakukan oleh orang itu sebagaimana dinyatakan dalam permohonan.

4. **CIRI-CIRI MENGIKAT KETETAPAN AWAL**

- 4.1 Ketetapan awal akan mengikat seseorang berkaitan sesuatu perkiraan dan hanya untuk tempoh atau tahun taksiran yang telah dinyatakan dalam ketetapan awal. Ketetapan awal yang ditujukan kepada orang itu tidak akan menjadi duluan bagi kes-kes lain. Jika perkiraan yang dinyatakan dalam ketetapan awal tidak dilaksanakan oleh orang itu sehingga akhir tempoh yang dinyatakan, maka ketetapan awal itu akan luput secara automatik.
- 4.2 Ketetapan awal akan mengikat KPHDN, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam ketetapan awal itu. Walau bagaimanapun, ketetapan awal tidak akan mengikat dalam keadaan-keadaan berikut :-
- a. perkiraan yang dilaksanakan oleh orang itu adalah berbeza daripada perkiraan yang dinyatakan dalam ketetapan awal. Sebagai contoh, transaksi yang sebenarnya dijalankan telah berubah sehingga peruntukan ACP sebagaimana dinyatakan dalam ketetapan awal tidak lagi atau tidak boleh lagi terpakai kepadanya;
 - b. terdapat maklumat penting yang tidak dimasukkan atau terdapat gambaran yang salah atau tidak tepat berhubung dengan permohonan ketetapan awal;
 - c. andaian yang dibuat oleh KPHDN mengenai sesuatu kejadian pada masa hadapan atau perkara lain yang penting bagi ketetapan awal terbukti salah kemudiannya; atau
 - d. orang yang mana ketetapan awal ditujukan gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPHDN.

5. DEFINISI

Bagi maksud garis panduan ini, perkataan 'perkiraan' dan 'secara serius akan dilaksanakan' didefinisikan seperti berikut:-

- 5.1 **“Perkiraan”**: Termasuk skim, kontrak, perjanjian, pelan atau akujanji, sama ada boleh dilaksanakan atau tidak, termasuk langkah-langkah dan transaksi yang membawa kepada pelaksanaannya.
- 5.2 **“Secara serius akan dilaksanakan”**: Usaha yang bersungguh-sungguh dan langkah-langkah yang jelas, sama ada melibatkan satu pihak atau sebaliknya, telah dibuat ke arah menjalankan perkiraan dalam masa terdekat.

6. SKOP KETETAPAN AWAL

- 6.1 Permohonan ketetapan awal hendaklah atas isu yang memerlukan tafsiran peruntukan ACP dan bukan untuk mengetahui perkara yang mana undang-undang telah memperuntukkan secara jelas, sebagai contoh penentuan status mastautin seseorang. Permohonan yang melibatkan **tafsiran Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali** termasuk penentuan sama ada seseorang mempunyai establismen tetap di Malaysia adalah **tidak jatuh di bawah skop ketetapan awal**.
- 6.2 Permohonan ketetapan awal hendaklah dibuat bagi **perkiraan** yang **secara serius akan dilaksanakan** oleh seseorang untuk dilaksanakan dalam masa terdekat. Orang itu perlu mengemukakan dokumen berkaitan sebagai bukti untuk menunjukkan bahawa perkiraan itu secara serius akan dilaksanakan.
- 6.3 Seksyen 138B ACP secara amnya membenarkan seseorang untuk mendapatkan ketetapan awal tentang bagaimana mana-mana peruntukan dalam ACP terpakai kepada perkiraan orang itu. Oleh itu ketetapan awal hanya akan dikeluarkan sekiranya terdapat suatu perkiraan yang dicadangkan dan ia secara serius akan dilaksanakan. Selain itu, terdapat batasan ke atas skop ketetapan awal yang boleh dikeluarkan oleh KPHDN. Seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah KA, tiada ketetapan awal akan dikeluarkan jika perkara yang dipohon berkaitan dengan peruntukan ACP yang memberi kuasa atau memerlukan Menteri atau KPHDN untuk:-
 - a. mengenakan atau meremit suatu penalti (contohnya subseksyen 112(3) atau 124(1) ACP);
 - b. meremit apa-apa cukai terhutang dan kena dibayar (contohnya seksyen 129 ACP);

- c. meluluskan mana-mana permohonan di bawah ACP (contohnya seksyen 34A, 150 atau subseksyen 44(6) ACP);
- d. membuat pertanyaan tentang ketepatan mana-mana penyata atau maklumat lain yang diberi oleh mana-mana orang (contohnya seksyen 78 ACP);
- e. mendakwa mana-mana orang (contohnya seksyen 114 ACP); atau
- f. menuntut hutang yang masih belum dibayar oleh mana-mana orang (contohnya seksyen 106 ACP).

7. KEADAAN DI MANA KETETAPAN AWAL TIDAK AKAN DIKELUARKAN

KPHDN tidak diwajibkan untuk mengeluarkan ketetapan awal bagi semua permohonan. Terdapat keadaan-keadaan di mana KPHDN tidak akan membuat ketetapan awal. Keadaan-keadaan tersebut adalah seperti berikut:-

- a. perkiraan telah dimulakan atau dilaksanakan pada masa permohonan dikemukakan atau pada bila-bila masa sebelum ketetapan awal dikeluarkan. Begitu juga, ketetapan awal tidak akan dibuat bagi transaksi yang telah selesai atau jika siri transaksi kepada perkiraan itu telah dijalankan secara signifikan.
- b. permohonan adalah remeh, menyusahkan atau berdasarkan keadaan hipotetikal;
- c. isu yang dibangkitkan memerlukan tafsiran mana-mana undang-undang asing; atau sedang ditangani atau perlu ditangani oleh satu atau kedua-dua pihak berkuasa kompeten kepada suatu perjanjian bagi pengeluaran pencukupan dua kali;
- d. suatu ketetapan awal telah wujud tentang bagaimana peruntukan ACP yang relevan terpakai kepada seseorang dan perkiraan itu, dan orang itu membuat permohonan untuk ketetapan bagi perkiraan yang sama yang berkaitan dengan suatu tempoh atau tahun taksiran yang sama;
- e. suatu perkiraan yang tertakluk kepada audit atau penyiasatan tentang bagaimana mana-mana peruntukan ACP terpakai kepada orang itu dan orang itu membuat permohonan untuk ketetapan awal bagi perkiraan yang sama;
- f. KPHDN berpendapat orang itu tidak memberi maklumat yang mencukupi berkenaan permohonan itu walaupun setelah permintaan dibuat untuk mendapat maklumat lanjut;

- g. ketetapan awal itu akan memerlukan suatu pendapat berkenaan prinsip akaun yang diterima umum atau amalan yang diterima secara komersial;
- h. perkara yang ketetapan awal itu dipohon melibatkan pindahan harga, suatu perkiraan harga awal atau suatu skim pengelakan cukai;
- i. permohonan melibatkan tafsiran suatu peruntukan ACP yang belum dibuat, sebagai contoh cadangan bajet, kaedah-kaedah cukai pendapatan atau peraturan yang belum dibuat (dalam keadaan sebegini, orang itu boleh mendapatkan pengesahan teknikal bertulis daripada KPHDN); atau
- j. KPHDN berpendapat bahawa adalah tidak munasabah untuk membuat ketetapan awal dengan sumber yang ada pada beliau. Sebagai contoh, permohonan untuk ketetapan awal yang berkaitan dengan perkiraan yang terlalu teknikal dan canggih atau teknologi/produk baru yang mana pengetahuan tentangnya belum diketahui oleh KPHDN.

8. KEADAAN DI MANA PERMOHONAN KETETAPAN AWAL MUNGKIN DITOLAK

Tambahan kepada keadaan-keadaan di atas, permohonan ketetapan awal secara amnya mungkin ditolak dalam keadaan-keadaan berikut:-

- a. perkara yang memerlukan ketetapan awal adalah semata-mata persoalan fakta, sebagai contoh penentuan tarikh permulaan projek pemaju perumahan;
- b. ketepatan sesuatu ketetapan awal itu bergantung kepada andaian yang dibuat, sama ada berkenaan dengan kejadian masa hadapan atau apa-apa perkara lain;
- c. perkara yang memerlukan ketetapan awal tertakluk kepada suatu rayuan, sama ada berkenaan dengan orang itu atau mana-mana orang yang lain; atau
- d. pemohon itu mempunyai hutang tertunggak berkaitan dengan permohonan ketetapan awal yang terdahulu.

9. PEMBERITAHUAN BAGI KETETAPAN AWAL YANG TIDAK DIKELUARKAN

Dalam kes di mana KPHDN tidak membuat ketetapan awal atau menolak untuk membuat suatu ketetapan awal, pemohon akan diberitahu secara bertulis seawal mungkin dan diberi sebab-sebab kenapa ketetapan awal tidak dibuat atau ditolak.

10. PROSEDUR PERMOHONAN

A. Siapa boleh memohon -

- 10.1 Mana-mana orang boleh memohon ketetapan awal untuk mengetahui bagaimana peruntukan ACP terpakai atau boleh dipakai kepada orang itu atau orang yang akan diwujudkan itu (mengikut mana-mana yang berkenaan), dan kepada mana-mana perkiraan tertentu yang terangkum di bawah skop ketetapan awal.
- 10.2 Orang yang telah sedia wujud, contohnya syarikat yang telah diperbadankan di Malaysia, perlu membuat permohonan bagi pihak dirinya sendiri. Walau bagaimanapun, seseorang boleh menggunakan khidmat agen cukai diluluskan atau peguam bertauliah, yang menjalankan profesion di Malaysia untuk melengkapkan borang permohonan dan menyediakan pengemukaan ketetapan awal bagi pihaknya. Dalam keadaan ini, borang permohonan perlu ditandatangani oleh orang yang bertanggungjawab seperti pengarah bagi suatu syarikat, ahli kongsi utama bagi perniagaan perkongsian dan sebagainya.
- 10.3 Permohonan juga boleh dibuat secara bersama oleh dua atau lebih orang, contohnya syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama atau ahli-ahli kongsi bagi sesuatu perkongsian. Dalam keadaan ini, borang permohonan perlu diisi secara berasingan dan ditandatangani oleh setiap pengarah, ahli kongsi dan sebagainya mengikut entiti yang sesuai yang mengemukakan permohonan.
- 10.4 Orang yang masih belum diwujudkan secara undang-undang atau entiti/orang asing perlu membuat permohonan melalui wakil yang dilantik. Wakil hendaklah terdiri daripada seorang agen cukai yang diluluskan atau peguam bertauliah (yang menjalankan profesion di Malaysia). Wakil yang bertindak bagi pihak mana-mana orang tersebut dikehendaki mengemukakan surat kuasa yang melantik beliau untuk bertindak bagi mana-mana pihak tersebut. Ruangan dalam borang ditetapkan berhubung dengan butiran wakil hendaklah dilengkapkan.

B. Borang Permohonan – Borang KA [1/2007]

- 10.5 Permohonan untuk ketetapan awal hendaklah dibuat melalui borang yang ditetapkan (Borang KA [1/2007]) bagi ketetapan awal dan dengan mengemukakan maklumat berikut:-
 - a. butiran lengkap mengenai kesemua fakta berkaitan perkiraan termasuk andaian yang akan dibuat (jika ada) oleh mana-mana orang berhubung dengan transaksi kepada perkiraan, nama,

alamat, aktiviti perniagaan dan apa-apa maklumat berkaitan semua pihak dalam perkiraan;

- b. isu-isu percukaian yang perlu dipertimbangkan oleh KPHDN;
- c. peruntukan ACP yang berkaitan dengan isu yang dibangkitkan dalam permohonan termasuk seksyen dalam ACP yang berkaitan dengan permohonan, kes undang-undang yang bersesuaian, komentar yang diterbitkan (jika ada) dan asas undang-undang yang menyokong interpretasi seksyen yang terlibat;
- d. nyatakan pendirian atau pendapat berkenaan layanan cukai terhadap perkiraan yang dicadangkan bagi ketetapan awal yang dipohon dan mengenal pasti peruntukan ACP berkaitan yang terpakai kepadanya;
- e. alasan komersial atau perniagaan bagi perkiraan jika bersesuaian;
- f. salinan kesemua dokumen yang relevan dan mengenalpasti bahagian atau petikan yang berkaitan; dan
- g. tempoh atau tahun taksiran yang berkaitan dengan permohonan ketetapan awal;
- h. suatu kenyataan sama ada terdapat permohonan yang terdahulu oleh pemohon atas perkiraan yang sama atau serupa. Jika ada, nyatakan keputusan permohonan ketetapan awal tersebut dan nombor rujukan LHDNM bagi ketetapan awal yang dikeluarkan itu.

C. Keperluan maklumat -

- 10.6 Dalam keadaan di mana maklumat yang dikemukakan oleh pemohon tidak mencukupi, KPHDN mempunyai kuasa untuk meminta maklumat lanjut yang berkaitan atau menjalankan pemeriksaan di tempat pemohon.
- 10.7 Dalam keadaan lain, KPHDN boleh mengenyepikan mana-mana kehendak yang dikehendaki dikemukakan bersama permohonan, jika KPHDN berpendapat bahawa adalah tidak munasabah untuk meminta sesuatu maklumat yang pemohon tidak mempunyai cara untuk menyediakannya atau tidak boleh memperolehnya.

D. Penarikan balik permohonan ketetapan awal oleh pemohon -

10.8 Mana-mana orang yang telah mengemukakan permohonan ketetapan awal boleh pada bila-bila masa sebelum ketetapan awal dikeluarkan, mengemukakan notis bertulis kepada KPHDN untuk menarik balik permohonannya. Perhatian perlu diberi kepada pengenaan fi seperti dinyatakan dalam perenggan 15.2 apabila penarikan balik permohonan ketetapan awal dikemukakan oleh pemohon.

11. PENGELUARAN KETETAPAN AWAL

11.1 KPHDN akan memberitahu pemohon bahawa ketetapan awal telah disediakan dan fi tambahan yang perlu dibayar berhubung dengan ketetapan awal tersebut. Ketetapan awal hanya akan dikeluarkan setelah semua fi yang dikenakan dibayar oleh pemohon (sila rujuk perenggan 15 dalam garis panduan ini berhubung struktur fi).

11.2 Ketetapan awal yang disediakan akan menyatakan perkara berikut:-

- a. bahawa ia adalah suatu ketetapan awal yang disediakan di bawah seksyen 138B ACP;
- b. identiti orang yang memohon, peruntukan ACP dan rujukan kepada perkiraan di dalam permohonan;
- c. bagaimana peruntukan ACP terpakai kepada orang itu dan perkiraan;
- d. tempoh atau tahun taksiran untuk mana ketetapan awal itu terpakai;
- e. andaian penting mengenai kejadian-kejadian masa hadapan atau perkara-perkara lain yang dibuat oleh KPHDN; dan
- f. syarat-syarat (jika ada) yang ditetapkan oleh KPHDN.

11.3 Dalam menyediakan ketetapan awal, maklumat tambahan boleh diminta daripada pemohon. Jika pemohon tidak dapat mengemukakan maklumat yang diperlukan, KPHDN akan mengeluarkan ketetapan awal berasaskan andaian. Andaian yang dibuat oleh KPHDN hendaklah wajar. Perlu diambil perhatian bahawa KPHDN boleh menolak untuk membuat ketetapan awal jika tiada maklumat yang mencukupi dikemukakan oleh pemohon.

11.4 Perundingan awal antara LHDNM dan pemohon boleh dibuat. Ini adalah untuk memberi ruang bagi menjelaskan maklumat yang diberikan dalam permohonan. LHDNM tidak diwajibkan untuk

memberitahu keputusan yang bakal dibuat terhadap ketetapan awal pemohon pada bila-bila masa sebelum ianya dikeluarkan.

- 11.5 Setelah ketetapan awal diterima oleh mana-mana orang yang memohon, ia boleh memohon secara bertulis untuk melanjutkan tempoh atau tahun taksiran yang terpakai dalam ketetapan awal itu. Permohonan untuk melanjutkan tempoh hendaklah dikemukakan kepada KPHDN sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh yang telah ditetapkan dalam ketetapan awal atau apa-apa tempoh yang diluluskan oleh KPHDN. Jika perkiraan pada dasarnya adalah sama dengan yang dinyatakan dalam ketetapan awal, orang itu boleh memohon kepada KPHDN supaya interpretasi yang sama berhubung peruntukan ACP digunakan secara prospektif kepada tempoh atau tahun taksiran lanjutan itu.
- 11.6 Mana-mana kesilapan menaip atau kesilapan kecil yang terkandung dalam ketetapan awal yang dikeluarkan tidak akan memberi kesan atau menjadi tidak sah jika kesilapan-kesilapan tersebut tidak mengubah bagaimana peruntukan ACP terpakai dalam ketetapan awal tersebut.
- 11.7 Mana-mana orang yang membuat permohonan ketetapan awal masih perlu mematuhi apa-apa kewajipan atau kehendak di bawah peruntukan ACP. Sebagai contoh, ia masih dikehendaki untuk mengemukakan borang nyata dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pengeluaran ketetapan awal kepada seseorang juga tidak akan menghalang KPHDN daripada membangkitkan atau meminda mana-mana taksiran mengikut peruntukan ACP.

12. KEMUKTAMADAN DAN PENZAHIRAN KETETAPAN AWAL

- 12.1 Apabila ketetapan awal telah dikeluarkan, ianya adalah muktamad tidak kira sama ada ketetapan awal itu memihak kepada orang itu atau tidak. Sebarang surat menyurat atau pertanyaan lanjut tidak akan dilayan dan tiada rayuan boleh dibuat terhadap ketetapan awal itu. Dalam keadaan di mana ketetapan awal tidak memihak kepada orang yang memohon, ia mempunyai pilihan untuk tidak menjalankan perkiraan yang dicadangkan. Sebaliknya, jika perkiraan yang dicadangkan sebenarnya dilaksanakan oleh orang itu, maka ketetapan awal hendaklah dipatuhi. Pemohon boleh membuat rayuan untuk membantah layanan cukai yang dinyatakan dalam ketetapan awal di bawah peruntukan biasa bagi rayuan seperti dinyatakan dalam seksyen 99 ACP. Ini bermaksud bahawa bantahan adalah ke atas taksiran yang dibangkitkan.

12.2 Mana-mana orang yang telah mendapat ketetapan awal dikehendaki menzahirkan maklumat berikut dalam borang nyata cukai pendapatan yang berkaitan:-

- a. kewujudan ketetapan awal;
- b. sama ada ia mematuhi atau tidak ketetapan awal itu; dan
- c. sama ada terdapat perubahan penting kepada perkiraan yang telah dikenal pasti dalam ketetapan awal.

Kepentingan penzahiran ini dikuat kuasakan dengan penalti yang boleh dikenakan jika ketetapan awal yang telah dikeluarkan tidak dipatuhi.

13. PENARIKAN BALIK KETETAPAN AWAL OLEH KPHDN

13.1 KPHDN mempunyai kuasa untuk menarik balik ketetapan awal pada bila-bila masa selepas ianya dikeluarkan. Ini mungkin berlaku apabila terdapat perubahan dalam interpretasi undang-undang percukaian berasaskan keputusan baharu yang berbeza yang dibuat oleh Mahkamah.

13.2 Penarikan balik sesuatu ketetapan awal yang telah dikeluarkan kepada seseorang akan dibuat melalui pemberitahuan penarikan balik. Tarikh penarikan balik ketetapan awal tidak akan retrospektif dan tidak boleh lebih awal dari tarikh orang itu dijangka dengan munasabah akan menerima notis penarikan balik itu.

13.3 Jika orang itu telah melaksanakan perkiraan sebelum tarikh penarikan balik, orang itu boleh terus mengikut ketetapan awal yang telah dikeluarkan ke atasnya sehingga akhir tempoh yang telah dinyatakan dalam ketetapan awal. Sebaliknya jika orang itu belum melaksanakan perkiraan tersebut pada tarikh penarikan balik, maka ketetapan awal yang dikeluarkan tidak akan terpakai kepadanya. Ini akan memastikan orang yang memulakan perkiraan berdasarkan kepada ketetapan awal yang dikeluarkan oleh KPHDN akan mengikat KPHDN bagi tempoh dalam ketetapan awal itu. Walau bagaimanapun, jika KPHDN menarik balik ketetapan awal sebelum orang itu melaksanakan perkiraan, maka KPHDN tidak akan terikat dengan ketetapan awal itu.

14. KETETAPAN AWAL BERHENTI TERPAKAI

Di mana ketetapan awal telah dikeluarkan kepada seseorang, ianya akan mengikat orang itu dan KPHDN tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan 4 dan 13 garis panduan ini. Dalam keadaan di

mana peruntukan ACP yang diguna pakai dalam ketetapan awal telah dimansuh atau dipinda setelah ketetapan awal dikeluarkan, maka ketetapan awal tersebut terhenti terpakai. Ianya boleh berlaku sekiranya pemansuhan atau pindaan peruntukan ACP itu mengubah cara undang-undang percukaian terpakai. Pemberhentian pemakaian ketetapan awal adalah dari tarikh pemansuhan atau pindaan peruntukan berkenaan berkuat kuasa .

15. STRUKTUR FI

15.1 Pemohon yang berhasrat untuk memohon ketetapan awal akan dikenakan suatu fi. Fi akan dikenakan ke atas setiap pemohon dalam semua keadaan termasuklah permohonan secara bersama. Fi yang dikenakan ini merupakan suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

15.2 Struktur fi adalah seperti berikut:-

- a. fi permohonan berjumlah RM500.00 dibayar apabila permohonan dikemukakan dan tidak akan dikembalikan. Kenaan fi ini mengambil kira masa yang akan diambil untuk menentukan sama ada KPHDN bersetuju memberi pertimbangan kepada permintaan untuk mengeluarkan ketetapan awal.
- b. fi lanjutan sebanyak RM150.00 bagi setiap jam atau sebahagian jam akan dikenakan, selepas empat (4) jam pertama tempoh masa yang digunakan untuk menyediakan ketetapan awal. Pengiraan tempoh masa termasuklah masa yang digunakan oleh KPHDN dalam rundingan dengan orang yang memohon; dan
- c. fi bayaran balik berkenaan dengan;-
 - i. mana-mana nasihat professional luar yang perlu diminta oleh KPHDN dengan persetujuan daripada pemohon; atau
 - ii. apa-apa kos munasabah yang dilakukan oleh KPHDN.

KPHDN akan pada setiap masa memastikan bahawa segala usaha dilakukan untuk meminimumkan amaun fi yang kena dibayar.

15.3 Seseorang yang menarik balik permohonan ketetapan awal masih mempunyai tanggungan untuk membayar kesemua fi yang dikenakan ke atasnya berdasarkan kiraan tempoh masa sehingga tarikh penerimaan surat penarikan balik.

15.4 Kecuali fi permohonan sebanyak RM500.00 yang tidak boleh dibayar balik, KPHDN boleh dalam kes luar biasa dan mengikut budi bicaranya, mengenyepikan secara keseluruhan atau sebahagiannya, mana-mana amaun fi yang kena dibayar oleh pemohon bagi tujuan penyediaan ketetapan awal.

16. MASA PEMROSESAN KETETAPAN AWAL

Secara amnya, permohonan ketetapan awal akan dikendalikan mengikut turutan tarikh penerimaan permohonan. KPHDN akan memastikan bahawa ketetapan awal dikeluarkan dalam masa yang disyaratkan iaitu enam puluh (60) hari dari tarikh permohonan lengkap diterima. Tempoh masa itu diperuntukkan dalam keadaan di mana kesemua maklumat berkaitan dikemukakan bersama-sama permohonan dan rundingan lanjut dengan pemohon tidak lagi diperlukan. Pemohon akan dimaklumkan oleh KPHDN jika ada sebarang kelewatan dijangkakan untuk mengeluarkan ketetapan awal.

17. PENYIARAN KETETAPAN AWAL

Semua maklumat dalam ketetapan awal dikendalikan sebagai sulit dan tidak akan diterbitkan secara umum dalam apa-apa bentuk. Jika terdapat persamaan dalam isu-isu yang dibangkitkan oleh mana-mana pemohon, KPHDN boleh mengeluarkan ketetapan umum untuk memaklumkan interpretasi KPHDN berhubung isu-isu tersebut.

Dikemaskini oleh,

Bahagian Ketetapan,
Jabatan Dasar Percukaian,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
10 Jun 2016